

BAB 2

KAJIAN KEPUSTAKAAN

2.1 Pemilihan Bahasa

Romaine (1994:36) menganggap pemilihan bahasa sebagai “*act of identify*”, di mana pemilihan bahasa oleh seseorang dapat menunjukkan sama ada penutur tersebut ingin melibatkan diri atau pihak lain dalam sesuatu komuniti pertuturan (*speech community*) atau tidak.

Sementara itu, Lim (2008) dalam kajiannya *Language choices of Malaysian youth* mendefinisikan pemilihan bahasa seperti berikut:

“language, variety or code employed or utilized by a particular individual for a particular purpose or function in verbal interactions.”

(Lim, 2008:14)

Lim melihatkan pemilihan bahasa sebagai suatu kelakuan di mana seseorang memilih untuk menggunakan sesuatu bahasa, variasi bahasa atau kod berdasarkan sasaran atau fungsi interaksi verbal tersebut.

Selain itu, Lim (2008: 17) berpendapat bahawa pemilihan bahasa merupakan isu yang rumit, di mana terdapat pelbagai faktor kompleks yang boleh mempengaruhi pemilihan bahasa dalam sesuatu komuniti pertuturan. Dengan ini, kajian terhadap pemilihan bahasa selalunya berhubung kait dengan faktor sosial atau fenomena bahasa

yang lain seperti etnik, multilingual, penukaran kod, pengejalan dan pemindahan bahasa, gender dan umur, solidariti dan kuasa.

Secara ringkasnya, hujah-hujah tentang pemilihan bahasa yang diberi oleh Romaine dan Lim boleh disimpulkan seperti pandangan Gumperz (1982) yang mengatakan bahawa pemilihan bahasa dari konteks sosial sebenarnya banyak bergantung dengan variabel keadaan (*situational variables*) dan hubungan antara interlocutor dengan latar (*settings*).

2.2 Kerangka Teoritis

Konsep domain merupakan asas kerangka teoretis yang digunakan dalam kajian ini untuk meninjau pola-pola pemilihan bahasa dalam KBK. Perbincangan yang mendalam tentang domain akan dikemukakan dalam bahagian 2.2.1.

2.2.1 Domain

Menurut Fishman (1972), domain merupakan:

“a socio-cultural construct abstracted from topics of communication, relationships between communicators and locales of communication in accord with the institutions of a society ”

(Fishman, 1972:442)

Fishman telah menggambarkan satu situasi interaksi sosial yang terbentuk daripada kombinasi faktor-faktor seperti topik perbualan, peserta atau interlokutor dan lokasi komunikasi yang berlaku, di mana situasi ini dikenali sebagai “domain”. Di bawah domain yang berlainan, terdapat satu variasi bahasa lebih berdominan digunakan dibandingkan dengan variasi bahasa yang lain.

Untuk mengelaskan sesuatu situasi sosial, Spolsky (1998) juga berpendapat bahawa analisis domain adalah cara yang berkesan:

“A useful way of classifying social situation is to analyse them into three defining characteristics: place, role-relationship and topic. Together, these make up a set of typical domains.”

(Spolsky, 1998:34)

Kenyataan mengenai domain yang dibuat oleh Fishman (1972) dan Spolsky (1998) boleh dirumuskan seperti kenyataan yang diberi oleh Holmes (2008:21), iaitu “domain melibatkan suatu interaksi (topik) tertentu antara peserta-peserta yang tertentu dalam latar yang tertentu (*A domain involves typical interactions between typical participants in typical settings*)”. Seperti contoh yang diberi oleh Fasold (1984:183): “*If a speaker is at home talking to another member of family about an everyday topic, that speaker is said to be in family domain.*” Dalam kata lain, interaksi yang berlaku dalam institusi sosial yang lain seperti sekolah, tempat jiran, tempat kerja atau tempat beribadat juga boleh dianggap sebagai domain (Lim, 2008:19).

Menurut Holmes (2008), model domain melakarkan tiga faktor yang penting dalam pemilihan bahasa, iaitu peserta, latar dan topik. Dengan membuat analisis maklumat yang diperolehi melalui model domain, kita dapat merumuskan bahawa norma-norma (*norms*) penggunaan bahasa atau variasi bahasa dalam sesuatu komuniti dengan lebih mudah. Selain itu, model ini dapat menerangkan jenis kod atau bahasa yang biasa dipilih oleh pengguna berdasarkan situasi yang berlainan, misalnya berlainan bahasa digunakan dalam domain yang sama tetapi dalam komuniti yang lain (Holmes, 2008:23).

Pada pendapat Nor Hisham (1994:16) pula, analisis domain (istilah yang digunakan oleh beliau ialah “mandala”) berfungsi untuk membolehkan kita memahami fenomena pemilihan bahasa dalam kalangan penutur yang datang daripada masyarakat pelbagai kelainan bahasa dan mengesan berlakunya perbezaan bahasa berdasarkan tatatingkat sosial dan situasi dalam sesebuah masyarakat.

Bagi menentukan jenis domain yang dikaji dalam sesuatu komuniti, Platt (1977: 368-369) mencadangkan bahawa “*it would be possible to range domains along a scale from the public to more private and to attribute to them a degree of formality ranging from very formal to the most informal*”. Pandangan Platt (1977) menunjukkan jenis domain yang dikaji dalam sesuatu komuniti adalah tidak terhad dan tidak ditetapkan.

Sementara itu, David (1996) berpendapat bahawa penentuan jenis domain dan bilangan domain dalam kajian pemilihan bahasa banyak bergantung kepada sifat komuniti yang dikaji dan perbubungan mereka dengan masyarakat.

Dengan merujuk kepada pandangan Platt (1977) dan David (1996), maka laman jaringan sosial dan mesej segera yang menjadi tumpuan dalam kajian masing-masing boleh dilihat sebagai satu domain. Ini disebabkan masyarakat kini selain bersosial secara bersemuka, ramai daripada mereka juga “berhidup” dalam laman jaringan sosial dan mesej segera untuk berinteraksi, membina perhubungan sosial sehingga membentuk suatu komuniti dalam talian, dan ia sebenarnya serupa dengan komuniti pertuturan dalam kehidupan harian, di mana segala interaksi dalam komuniti maya ini juga melibatkan peserta, topik perbualan dan latar yang tertentu.

2.3 Konsep-Konsep Penting dalam Pemilihan Bahasa

2.3.1 Diglosia

Diglosia secara ringkasnya merupakan konsep yang menerangkan situasi sesuatu masyarakat yang menggunakan dua variasi dari satu bahasa yang sama (*two distinct varieties of the same language*) untuk dua fungsi yang berbeza, di mana satu variasi dikenali variasi tinggi yang diberi tanda “H” (*high variety, H*) dan satu lagi variasi rendah yang diberi tanda “L” (*low variety, L*) (Ferguson, 1959:336; Spolsky, 1998:63; Holmes, 2008:27).

Menurut Romaine (1994), variasi H biasanya dianggap sebagai bahasa standard yang digunakan untuk memberi kuliah, membaca, penulisan atau tujuan penyiaran (*broadcasting*), manakala variasi L digunakan dalam interaksi yang kurang formal antara kawan dan ahli keluarga di rumah. Dari segi pemerolehan bahasa, variasi H diperolehi melalui pendidikan formal yang dipelajari kemudian di sekolah, manakala variasi L diperolehi secara tidak formal melalui keluarga, ia biasanya merupakan bahasa ibunda (Romaine, 1994:45-47).

Jika menurut konsep diglosia yang klasik, tiada orang menggunakan variasi H dalam pertuturan harian (Holmes, 2008:27). Dari aspek prestij, Spolsky (1998:64) mencirikan variasi H sebagai variasi yang stabil kerana ia bertulisan dan dilindungi oleh sistem pendidikan, manakala variasi L lebih bersifat tempatan atau dikenali sebagai variasi dialek.

Di bawah diglosia, variasi H dan variasi L selain berbeza dari segi tatabahasa, fonologi dan perbendaharaan kata, ia juga berbeza dari segi ciri-ciri sosial seperti fungsi, prestij, pewarisan kesusasteraan (*literary heritage*), tahap pemerolehan (*acquisition*), standardisasi (*standardization*) dan kestabilannya (*stability*) (Romaine, 1994:47). Perbezaan di antara dua variasi bahasa dari semasa ke semasa telah mendorong pemilihan kelainan bahasa berlaku.

2.3.2 Poliglosia

Walaupun diglosia menerangkan situasi masyarakat yang berlaku pemilihan bahasa di antara dua variasi dalam satu bahasa yang sama, tetapi ia tidak mencukupi untuk menerangkan situasi seperti masyarakat multilingual yang menggunakan lebih daripada satu jenis bahasa untuk tujuan komunikasi yang berlainan.

Dengan ini, pakar-pakar linguistik misalnya Platt (1977, dalam Romaine, 1995:35) cuba memperkembangkan konsep “diglosia” kepada “poliglosia” untuk merujuk kepada situasi seperti di Singapura dan Malaysia yang didapati beberapa kod atau bahasa digunakan secara konsisten dalam domain-domain yang tertentu, contohnya:

Platt takes into account the prestige accorded to varieties so that in the case of Malaysia, for example, Mandarin Chinese serves as a ‘dummy H’ because it is seen as prestigious, even though it is not used extensively in any domain. Other varieties in use include Bahasa Malaysia (the H variety of Malay), a Low variety of Malay and English.

(Romaine, 1995:35)

Romaine (1994) juga memegang pandangan yang serupa dengan Platt (1977), di mana beliau mengatakan bahawa:

“The term ‘polyglossia’ has also been used to refer to cases such as that of Singapore, where many varieties coexist in a functional relationship. ”

(Romaine, 1994:48)

Romaine menerangkan konsep poliglosia dengan merujuk kepada situasi linguistik di Singapura. Sebagai contohnya, bahasa Inggeris, bahasa Cina, bahasa Tamil dan bahasa

Melayu di Singapura bersama-sama memperkongsi status rasmi, tetapi variasi tempatan (L) dari empat bahasa tersebut masing-masing dikekalkan. Dengan ini, seseorang anak yang mempelajari bahasa Cina di sekolah mungkin bertutur dalam Hokkien di rumah. Pada masa yang sama, bahasa Inggeris juga berfungsi sebagai variasi H di antara empat bahasa tersebut kerana ia lebih berprestij.

Sementara itu, Asmah (1992:69-70) cuba menerangkan situasi penggunaan bahasa Melayu, bahasa Inggeris, bahasa Cina, bahasa Tamil dan bahasa-bahasa lain di Malaysia. Beliau menggunakan istilah “triglosia” bagi menerangkan situasi multibahasa tersebut, di mana bahasa Melayu dianggap sebagai variasi H yang bertaraf tinggi (H_H), bahasa Inggeris pula dikategori sebagai variasi H yang bertaraf rendah (H_L), manakala bahasa yang lain misalnya bahasa Cina dan bahasa Tamil dianggap sebagai variasi L. Menurut Asmah, bahasa Inggeris dilihat sebagai variasi H seperti bahasa Melayu kerana ia juga banyak digunakan dalam domain-domain yang berbeza misalnya perundangan dan penghakiman, peniagaan, perbankan, diplomasi dan sebagainya. Berdasarkan kenyataan Asmah (1992), “triglosia” yang dimaksudkan oleh beliau sebenarnya ialah poliglosia. Dengan ini, situasi linguistik di Malaysia boleh dianggap sebagai poliglosik.

Pada keseluruhannya, Holmes (2008) telah membuat satu kenyataan yang jelas tentang poliglosia. Beliau berpendapat bahawa poliglosia adalah satu istilah yang berguna bagi menerangkan komuniti pertuturan yang menggunakan lebih daripada dua kod (bahasa) atau variasi yang berbeza untuk tujuan yang berlainan atau dalam situasi yang berbeza (Holmes, 2008:32).

2.4 Variabel-Variabel yang Boleh Menjadi Faktor kepada Pemilihan Bahasa

Kajian-kajian lepas telah mengemukakan sejumlah variabel yang boleh mempengaruhi pemilihan bahasa. Akan tetapi, Lam (1992:23) berpendapat bahawa untuk menerangkan pemilihan bahasa yang berlaku pada seseorang atau suatu komuniti pertuturan, merujuk kepada satu teori adalah tidak mencukupi kerana pemilihan bahasa adalah satu isu yang kompleks. Sebaliknya, pengkaji perlu mengambil kira dan menguji sebilangan teori atau variabel supaya memperoleh kefahaman yang menyeluruh.

Lam (1992) dalam kajiannya tentang pemilihan kod dalam kalangan pelajar tingkatan tiga telah menyenaraikan beberapa faktor yang mampu mempengaruhi pemilihan bahasa, termasuk (i) domain; (ii) repertoir verbal (*verbal repertoire*) penutur dan pendengar; (iii) sikap penutur terhadap bahasa; (iv) motivasi (*integrative and instrumental motivation*); dan (v) perasaan solidariti (*sense of solidarity*).

Pada pendapat Holmes (2008:25-26) pula, seseorang penutur memilih suatu bahasa atau kod tertentu berbanding dengan bahasa yang lain mungkin disebabkan bahasa tersebut memudahkan penutur untuk membincang topik berkenaan, ia juga berkaitan dengan lokasi pertuturan berlaku. Tambahan pula, (i) jarak sosial antara interlokutor; (ii) perhubungan status (*status relationship*) di antara interlokutor; (iii) formaliti atau ciri-ciri latar; dan (iv) sasaran atau fungsi interaksi juga mempengaruhi pemilihan bahasa dalam komuniti pertuturan (*speech community*). Berdasarkan faktor-

faktor pemilihan bahasa yang disenaraikan, Holmes secara rumusnya mengatakan bahawa:

“So in describing the patterns of code use for particular communities, the relevant social factors may not fit neatly into institutionalised domains. As we have seen, more specific social factors often need to be included, and a range of social dimensions may need to be considered too.”

(Holmes, 2008:26)

Kenyataan Holmes menunjukkan bahawa pemilihan bahasa dalam suatu komuniti pertuturan banyak bergantung kepada pelbagai faktor sosial. Kadang kala, faktor-faktor yang dianggap relevan mungkin tidak sesuai digunakan dalam domain tertentu, dengan ini faktor yang lebih khusus atau dimensi sosial yang lebih luas perlu diambil kira untuk menerangkan fenomena sosial ini.

Beberapa variabel berkaitan yang mungkin mempengaruhi pemilihan bahasa dalam komunikasi berbantuan komputer dalam kalangan mahasiswa Cina di Malaysia dikenal pasti dan disenaraikan untuk dikaji.

2.4.1 Teori Akomodasi Pertuturan

Teori akomodasi pertuturan (*speech accommodation*) diperkenalkan oleh Giles (1977) untuk menjelaskan penyesuaian bahasa yang dilakukan oleh penutur semasa bertutur supaya mengurang atau meningkatkan jarak sosial di antara intelokutor.

Teori ini menunjukkan dua keadaan penggunaan bahasa yang ketara, iaitu konvergensi (*convergence*) bahasa dan divergensi (*divergence*) bahasa.

Konvergensi bahasa merujuk kepada penutur yang menyesuaikan diri dengan menggunakan bahasa atau variasi yang sama digunakan oleh pendengar (penerima) bagi merapatkan jarak sosial di antara satu sama lain. Kadang kala, konvergensi bahasa berlaku disebabkan penutur terpaksa membuat penyesuaian dengan menggunakan bahasa yang difahami oleh interlocutor yang lain. Sebagai contoh, generasi tua (generasi pertama) dalam komuniti Sindhi di Malaysia selalu menyesuaikan diri dengan mengalih bahasa etnik mereka kepada bahasa Melayu semasa bertutur dengan generasi muda yang kurang menguasai bahasa Sindhi (David, 2001:124).

Sementara itu, divergensi bahasa bermaksud kedua-dua interlocutor dalam suatu interaksi kekal menggunakan bahasa sendiri. Ini menyebabkan jarak sosial menjadi lebih jauh di antara interlocutor. Divergensi bahasa berlaku mungkin disebabkan perasaan ketaatan atau etnolinguistik vitaliti terhadap bahasa ibunda atau bahasa yang digunakannya adalah tinggi.

2.4.2 Repertoire Verbal Penutur dan Pendengar

Salah satu variabel yang sentiasa mempengaruhi pemilihan bahasa ialah repertoire verbal (*verbal repertoire*) penutur dan pendengar. Platt dan Platt (1975) telah mendefinisikan repertoire verbal sebagai:

“...range of linguistic varieties which the speaker has at his disposal and which he may appropriately use as a member of his speech community.”

(Platt & Platt, 1975:35)

Dalam kata lain, repertoir verbal merujuk kepada variasi bahasa yang dikuasai dengan baik oleh seseorang penutur.

Menurut Lim (2008), pemilihan bahasa bagi seseorang yang bermultibahasa berkaitan rapat dengan kemahiran bahasanya. Sebagai contoh, seseorang penutur mungkin mengetahui sebilangan bahasa, tetapi tahap kemahiran dalam setiap bahasa yang diperolehinya adalah tidak sama. Semasa bertutur, penutur akan lebih cenderung memilih kod yang menduduki peringkat tinggi dalam repertoir verbalnya sekiranya dibandingkan dengan kod yang bertahap rendah dalam repertoir verbalnya, kecuali pendengar tidak menguasai kod tersebut (Lim, 2008:22).

Dengan ini, repertoir linguistik pendengar juga mempengaruhi pemilihan bahasa dalam suatu interaksi sosial. Menurut Platt (1977, dalam Lim, 2008:22), demi mencapai tujuan komunikasi semasa bertutur, seseorang penutur mungkin mengakomodasi repertoir verbal pendengar dengan menggunakan bahasa yang paling dikuasai atau bahasa yang paling difahami oleh pendengar dan bukan memilih bahasa yang paling dikuasai oleh penutur sendiri. Keadaan ini menunjukkan bahawa pemilihan bahasa penutur telah dihadkan oleh repertoir linguistik pendengar, walaupun penutur tersebut merupakan seorang yang bermultibahasa.

2.4.3 Motivasi

Lam (1992) dan Lim (2008) yang masing-masing membuat kajian mengenai pemilihan bahasa dalam golongan remaja di Singapura dan Malaysia mendapati bahawa motivasi merupakan salah satu faktor yang mempengaruhi pemilihan bahasa.

Lim (2008) menghubungkan faktor motivasi dengan pemilihan bahasa berdasarkan rujukan daripada kenyataan mengenai “motivasi” yang dibuat oleh Gardner dan Lambert (1972):

“whether integrative motive results in success in mastering a second language depends on a particular orientation on the part of the learner, reflecting a willingness or a desire to be like representative members of the other language community, while instrumental motivation is defined as ‘one characterized by a desire to gain social recognition or economic advantages through knowledge of a foreign language’ (Gardner and Lambert, 1972:14). It can be argued that both these factors are likely variables that affect not only language attainment but also language choices.”

(Lim, 2008:28)

Merujuk kepada kenyataan di atas, motivasi boleh dibahagikan kepada dua jenis, iaitu (i) motivasi integratif yang bergantung kepada keinginan atau kemahuan diri; dan (ii) motivasi instrumental yang banyak dipengaruhi oleh faktor luaran misalnya manfaat yang boleh diterima. Walaupun motivasi sebagai satu variabel yang selama ini dikaitkan dengan pembelajaran bahasa, tetapi Lim berpendapat ia juga banyak mempengaruhi pemilihan bahasa.

Sebagai contoh, Lim (2008) dalam kajiannya mendapati bahawa remaja Melayu lebih kerap menggunakan bahasa Melayu dan jarang menggunakan bahasa Inggeris dalam domain keluarga, domain kejiwaan, mahupun domain sekolah. Sebaliknya, remaja Cina dan remaja India lebih menggunakan pelbagai bahasa, misalnya bahasa etnik sendiri, dialek keluarga, bahasa Melayu dan bahasa Inggeris berdasarkan domain yang berlainan. Lim menyimpulkan fenomena ini berdasarkan pendapat Asmah (1992) yang mengatakan bahawa “*As for the Malays, due to the fact that their own language is the official medium of communication and instruction, they do not find it a necessity to acquire another one (language)*”. Lim (2008:167) turut mengaitkan kenyataan Asmah dengan faktor motivasi, di mana beliau berpendapat bahawa remaja Melayu yang dikajinya jarang menggunakan bahasa Inggeris disebabkan komuniti pertuturan persekitaran mereka, misalnya penutur etnik lain biasanya akan mengakomodasikan pertuturan diri dengan menggunakan bahasa Melayu semasa bertutur dengan mereka dalam domain yang formal atau tidak formal. Akomodasi luaran ini telah menyebabkan sebahagian remaja Melayu kurang bermotivasi untuk menggunakan atau menguasai bahasa Inggeris, asalkan penggunaan hanya dalam bahasa Melayu sudah mencukupi bagi mereka untuk berkomunikasi dalam domain-domain yang berbeza.

Sebagai rumusan, perbincangan dalam Bahagian 2.4 menunjukkan pemilihan bahasa dalam sesuatu komuniti pertuturan banyak bergantung kepada pelbagai variabel sosial dan berhubung kait dengan fenomena bahasa yang lain.

2.5 Pemilihan Bahasa Bangsa Cina di Malaysia

Bahagian ini membincangkan dapatan daripada kajian-kajian lepas yang mengenai pemilihan bahasa bangsa Cina di Malaysia berdasarkan tiga domain utama, iaitu domain keluarga, domain persahabatan dan domain awam.

Penghuraian dan perbincangan yang dikemukakan dalam bahagian 2.5.1 hingga bahagian 2.5.3 telah merujuk kepada kajian-kajian lepas yang berikut:

- (i) Kajian Wang (2007) yang meninjau pemilihan bahasa melintasi tiga generasi dalam 13 buah keluarga Cina di Johor dengan menggunakan kaedah soal selidik, pemerhatian berserta dan temu bual. Analisisnya berdasarkan teori domain (Fishman, 1972), teori rangkaian sosial (Milroy & Milroy, 1987) dan “*apparent time study*” (Labov, 1963).
- (ii) Tinjauan Ang (2009) yang mengenai pemilihan bahasa dalam kalangan bangsa Cina di Kuala Lumpur dengan tertumpu kepada domain yang melibatkan sahabat, kawan sekerja dan orang yang tidak dikenali. Dalam kajian tersebut, 510 orang bangsa Cina (205 orang berumur 50 tahun ke atas dan 205 orang berumur 50 tahun ke bawah) dipilih rawak sebagai responden melalui kaedah soal selidik.
- (iii) Kajian pemilihan bahasa dalam golongan muda yang dilakukan oleh Chong dan Wang (2009). Dengan menggunakan kaedah soal selidik, seramai 717 orang

pelajar Cina tingkatan empat yang mengikuti subjek bahasa Cina di 16 buah sekolah menengah kebangsaan di wilayah Kuala Lumpur telah dipilih sebagai responden kajian. Analisis kajian tersebut adalah berdasarkan teori domain (Fishman, 1972), teori rangkaian sosial (Milroy & Milroy, 1987), teori etnolinguistik (Giles & Johnson, 1981, 1987) dan teori diglosia (Ferguson, 1959).

(iv) Kajian pemilihan bahasa dalam kalangan pelajar program pengajian bahasa Cina di universiti yang dijalankan oleh Wong (2010). Seramai 250 orang responden yang terdiri daripada pelajar Cina yang mengikuti program pengajian bahasa Cina di Universiti Malaya dan Universiti Putra Malaysia telah terlibat dalam kajian soal selidik tersebut. Sementara itu, 30 orang responden daripada seluruh sampel dipilih rawak untuk menyertai kajian temu bual. Teori domain merupakan teori asas dalam analisis kajian tersebut.

Lim (2008) pernah menjalankan satu kajian kes mengenai pemilihan bahasa antara remaja lelaki yang berbangsa Melayu, Cina dan India di Malaysia dan respondennya seramai 365 orang, di mana 129 orang daripadanya adalah orang Cina. Akan tetapi, sampel kajian kes tersebut hanya tertumpu kepada pelajar tingkatan empat di sebuah sekolah menengah yang terletak di Ipoh, maka hasil kajiannya kurang mewakili dan tidak dapat digeneralisasikan terhadap populasi yang lebih luas. Dengan ini, perbincangan dalam bahagian ini tidak merujuk kepada kajian tersebut.

2.5.1 Pemilihan Bahasa Bangsa Cina dalam Domain Keluarga

Menurut dapatan kajian Wang (2007:152), generasi pertama (G1, nenek dan datuk) dalam keluarga Cina menggunakan dialek Cina sebagai dominan, generasi kedua (G2, ibu dan bapa) pula menggunakan dialek Cina dan bahasa Cina dalam keluarga, manakala generasi ketiga (G3, cucu) menggunakan bahasa Cina sebagai dominan.

Ang (2009) dan Chong dan Wang (2009) dalam kajian mereka telah merumuskan bahawa penggunaan dialek Cina dalam keluarga Cina semakin menurun dari generasi ke generasi, manakala penggunaan bahasa Cina semakin meningkat. Akan tetapi, sebahagian G3 masih menggunakan dialek Cina untuk berkomunikasi dengan G1.

Wong (2010) juga menyimpulkan bahawa pengaruh dialek Cina dalam keluarga Cina kini semakin lemah disebabkan generasi muda cenderung menggunakan bahasa Cina dengan ahli keluarga yang lebih muda daripada mereka, misalnya generasi keempat (G4). Ini menunjukkan umur interlocutor mampu mempengaruhi pemilihan bahasa dalam keluarga.

Keputusan kajian juga menunjukkan bahawa bahasa Melayu belum dijadikan sebagai pilihan bahasa dalam keluarga Cina berbanding dengan bahasa Cina dan bahasa Inggeris (Chong & Wang, 2009:198).

Selain itu, Wong (2010) mendapati bahawa faktor gender interlocutor turut mempengaruhi pemilihan bahasa dalam keluarga. Didapati responden kajian lebih kerap menggunakan bahasa yang standard, iaitu bahasa Cina semasa berkomunikasi dengan ibu, kakak dan adik perempuan, manakala dialek Cina lebih kerap digunakan semasa bertutur dengan bapa, abang dan adik lelaki.

2.5.2 Pemilihan Bahasa Bangsa Cina dalam Domain Persahabatan

Dalam rangkaian sosial, Wang (2007) dalam kajiannya mendapati bahawa generasi pertama bangsa Cina lebih kerap menggunakan dialek Cina untuk berinteraksi dengan sahabat, manakala generasi ketiga di Johor hanya menggunakan bahasa Cina semasa berkomunikasi dengan kawan. Bagi generasi kedua pula, didapati bapa (lelaki) cenderung menggunakan dialek Cina dengan sahabat, manakala ibu (wanita) lebih menggunakan bahasa Cina daripada dialek Cina untuk berkomunikasi dengan kawan-kawannya.

Kesimpulan kajian Ang (2009) adalah serupa dengan Wang (2007), iaitu warga emas lebih menggunakan dialek Cina dengan kawannya, manakala penggunaan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris dalam kalangan mereka adalah rendah.

Hasil kajian yang dilakukan oleh Chong dan Wang (2009) telah menunjukkan perhubungan antara gender dengan kelainan pemilihan bahasa dalam domain persahabatan sebangsa, di mana remaja lelaki Cina lebih kerap menggunakan dialek Cina,

manakala remaja perempuan Cina lebih menggunakan variasi yang standard, iaitu bahasa Cina.

Walaupun bahasa Melayu dijadikan sebagai bahasa pengantar di sekolah menengah kebangsaan dan kebanyakan aktiviti di sekolah juga menggunakan bahasa Melayu. Akan tetapi, bahasa Melayu bukan pilihan utama bagi pelajar Cina semasa bersembang atau membincang kerja rumah dengan kawan sebangsa, sebaliknya mereka lebih menggunakan bahasa Cina dan diikuti bahasa Inggeris (Chong & Wang, 2009). Semasa bergaul dengan rakan Melayu, bahasa Melayu adalah bahasa yang paling dominan, manakala tahap penggunaan bahasa Inggeris adalah lebih tinggi daripada bahasa Melayu semasa berinteraksi dengan kawan yang berbangsa India (Wong, 2010).

2.5.3 Pemilihan Bahasa Bangsa Cina dalam Domain Awam

Dalam komunikasi intra etnik, bangsa Cina lebih menggunakan dialek Cina dalam domain yang kurang formal, misalnya pasar, kopitiam dan restoran, manakala bahasa Cina lebih digunakan dalam domain yang formal, seperti pusat membeli-belah dan klinik (Wang, 2007; Chong & Wang, 2009).

Dalam komunikasi antara etnik yang misalnya berlaku dalam restoran, pusat membeli-belah dan klinik, bangsa Cina biasanya menggunakan bahasa Melayu untuk bertutur dengan bangsa Melayu, manakala bahasa Inggeris lebih kerap digunakan untuk berinteraksi dengan bangsa India (Chong & Wang, 2009). Ini menunjukkan bahawa

bangsa Cina selalunya memilih dan menggunakan bahasa yang tidak sama dengan kumpulan etnik yang berlainan.

Sementara itu, bahasa Melayu adalah bahasa yang paling dominan digunakan oleh bangsa Cina semasa berurusan dalam pejabat kerajaan disebabkan majoriti pegawai kerajaan adalah bangsa Melayu (Wang, 2007:147-148). Mengikut peratusan yang dikemukakan oleh Chong dan Wang (2009), 88% (629 orang) daripada responden kajian menggunakan bahasa Melayu dalam agensi kerajaan dan 57% (407 orang) daripadanya menggunakan bahasa Inggeris. Ini disebabkan bahasa Melayu merupakan bahasa kebangsaan dan semua urusan rasmi kerajaan juga menggunakan bahasa Melayu. Ini menunjukkan bahawa konvergensi bahasa berlaku pada bangsa Cina semasa menjalankan urusan dalam agensi kerajaan. Dalam organisasi swasta pula, bangsa Cina lebih menggunakan bahasa Inggeris semasa berurusan rasmi (Wong, 2010).

Sebagai rumusan untuk Bahagian 2.5, didapati bahawa pola pemilihan bahasa dalam pertuturan harian dalam kalangan bangsa Cina di Malaysia menunjukkan perbezaan berdasarkan beberapa faktor berikut:

- a. Umur interlokutor: Kadar penggunaan dialek Cina semakin menurun dari generasi ke generasi, manakala penggunaan bahasa Cina semakin meningkat.
- b. Gender: Lelaki lebih cenderung menggunakan dialek Cina, manakala wanita lebih kerap menggunakan variasi yang standard, iaitu bahasa Cina.
- c. Bangsa interlokutor: Bahasa Cina atau dialek Cina dijadikan pilihan bahasa yang utama semasa berinteraksi dengan bangsa Cina; bahasa Melayu hanya dominan

- digunakan dalam pertuturan antara bangsa Melayu, manakala semasa berinteraksi dengan bangsa India, penggunaan bahasa Inggeris merupakan pilihan pertama.
- d. Formaliti dan ciri-ciri latar: Dialek Cina biasanya digunakan dalam domain yang kurang formal, manakala bahasa Cina lebih kerap digunakan dalam domain yang formal. Sementara itu, bahasa Melayu lebih dominan digunakan semasa berurusan rasmi dalam agensi kerajaan, manakala bahasa Inggeris adalah pilihan bahasa yang pertama semasa menjalankan urusan dalam organisasi swasta.

Kajian-kajian lepas menunjukkan pemilihan bahasa selalu berkaitan dengan konsep domain, konsep diglosia dan konsep poliglosia. Tambahan pula, pemilihan bahasa dalam sesuatu komuniti pertuturan banyak bergantung kepada pelbagai variabel sosial, misalnya repertoir verbal penutur dan pendengar, motivasi komuniti pertuturan untuk menggunakan sesuatu bahasa, latar belakang interlokutor (umur, gender, bangsa), ciri-ciri latar dan sebagainya. Semua variabel berkenaan boleh mempengaruhi perkembangan sesuatu bahasa.